

### Kerajaan hadapi tekanan hasil apabila PH hapuskan GST

Tindakan Pakatan Harapan (PH) menghapuskan pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST) menyebabkan kerajaan menghadapi penguncutan tekanan hasil.

Datuk Seri Najib Razak berkata, sekiranya regim percuai itu masih ada ketika ini, maka beliau yakin ‘nasib’ rakyat Malaysia akan lebih senang hari ini.

“Hasil mengucup apabila GST dihapuskan. GST ini kita kutip dan kita peroleh masa kita senang. Bila kita susah kita ada duit simpanan dan boleh agihkan kepada rakyat. Ini masanya kita nak tolong rakyat.

“Kalau ada GST saya yakin rakyat Malaysia lebih senang hari ini. Tetapi bila tidak ada (GST) malanglah. Sekarang ini kita kena fikir balik apa caranya.

“Makanya sekarang ini kita kena lihat kepada keseluruhan dasar mikro dan makronya, kestabilan politik serta lain-lain. Pokoknya kita mesti kepada asasnya,” katanya dalam Debat Perdana bersama Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini.

Najib yang juga bekas Menteri Kewangan berkata, berdasarkan data diperoleh daripada **Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)**, sewaktu sembilan tahun di bawah pemerintah Barisan Nasional (BN) sebagai kerajaan, pekali gini iaitu ukuran statistik ketidaksaaman ekonomi dalam populasi semakin kecil.

Katanya, sewaktu di bawah pemerintahan PH sebagai kerajaan pula, indeks berkenaan semakin melebar.

“Ia bererti apa? Bererti dasar BN lebih adil kepada orang miskin, lebih adil kepada kumpulan B40 berbanding dasar kerajaan PH.

“Ini fakta. Saya boleh cabar sesiapa pun. Ini bukan propaganda mahupun retorik,” katanya.

Beliau turut mengakui banyak cabaran dihadapi dan kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob hari ini sedang cuba untuk mengatasinya.

Sebagai contoh, katanya kerajaan meluluskan i-Citra yang memberi kelegaan kepada rakyat dan beliau amat berterima kasih kepada Perdana Menteri kerana meluluskannya. B6

### Kerajaan hadapi tekanan hasil apabila PH hapuskan GST

<https://mykmu.net/2022/05/13/kerajaan-hadapi-tekanan-hasil-apabila-ph-hapuskan-gst/>